

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA  
PERHIMPUNAN KORPORAT SERTA  
MEMPERBAHARUI IKRAR KAKITANGAN DAN  
IKRAR KUALITI  
11 JULAI 2012 ( RABU)  
JAM 8.30 PAGI  
DI HADAPAN PINTU MASUK  
LOBI BANGUNAN IBU PEJABAT MPSP**

---

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud  
Setiausaha Perbandaran

Yang Dihormati Ahli Majlis -Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Berdirinya dengan bangga pada Perhimpunan Korporat dan Majlis Memperbaharui Ikrar Kakitangan & Ikrar Kualiti dan juga sempena dengan sambutan Perayaan Hari Majlis yang ke 38/2012, saya berharap apa yang telah diikrarkan sebentar tadi boleh diambil perhatian dan dipraktikkan oleh semua kakitangan dalam bidang tugas masing-masing.

Pada hari ini, saya berasa amat gembira kerana saya telah berada di St. Petersburg selama 20 hari. Saya ingin mengucapkan ribuan terima

kasih kepada Tuan Setiausaha Perbandaran, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan kerana melaporkan semua aktiviti-aktiviti harian MPSP kepada saya.

Untuk makluman, saya telah menghadiri Mesyuarat *World Heritage Committee* Ke-36 di St. Petersburg, Rusia pada 24 Jun – 6 Julai 2012 yang lalu sebagai Ahli *World Heritage Committee* (WHC) UNESCO. Saya ingin berkongsi kegembiraan ini bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan bahawa pada 30 Jun 2012 yang lalu, UNESCO telah mengisyiharkan Lembah Lenggong, Perak sebagai Warisan Arkeologi. Kini, Malaysia mempunyai 4 senarai Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu;

- Melaka dan George Town, bandar-bandar bersejarah di Selat Melaka (2008)
- Taman Negara Mulu (2000)
- Gunung Kinabalu (2000)
- Lembah Lenggong (2012)

Saya amat terharu dengan pengisytiharaan tersebut kerana saya telah ditugaskan untuk memberikan penerangan dan menjawab soalan-soalan yang ditanya oleh “*state parties*” seperti Switzerland, Estonia, Germany, Japan, South Afrika, Algeria dan Colombia. Ia begitu mencabar sekali, tetapi dengan penerangan-penerangan dan bantuan daripada rakan-

rakan, Lembah Lenggong berjaya diiktirafkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Untuk makluman, semasa saya berada di Paris, Malaysia hanya bertindak sebagai pemantau sahaja, tetapi pada kali, di St. Petersburg , wakil Malaysia telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa dan *Vice Chairman of the Euro Committee*. Ini menunjukkan penghargaan yang diberikan oleh pihak luar negara adalah begitu tinggi sekali.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Semasa saya berada di St. Petersburg, Rusia, Pihak Berkuasa Tempatan mereka dapat menganjur dan mengadakan mesyuarat bertaraf dunia dengan kehadiran wakil-wakil daripada 190 negara yang bertumpu di St. Peterburg bermula 23 Jun 2012 - 6 Julai 2012.

Untuk makluman semua, cara urus setia di St. Petersburg mengelolakan lebih daripada 2,000 peserta selama lebih kurang 20 hari dari aspek pengurusan dan penyelarasan tempat mesyuarat, penginapan, pengangkutan, makanan yang disediakan dari pelbagai menu, ada yang halal, vegetarian dan lain-lain amat menakjubkan. Selain itu, dokumen-dokumen yang hendak disediakan oleh urus setia yang bertaraf dunia begitu cekap, teliti dan cepat. Urus setia juga amat cekap dalam membuat pindaan kertas kerja (*draft decision*) dan semuanya berjalan

serentak. Setiap agenda dan keputusan akan di “adopt” dan pindaan akan dibuat dengan serta-merta manakala minit keputusan akan diedarkan pada keesokkan harinya. Cara mereka bekerja boleh saya rumuskan selaras dengan 3S MPSP iaitu ;

- **SIKAP**

Setiap pekerja di sana dari peringkat atasan sampai ke peringkat bawahan sehingga ke pekerja di bahagian tandas mempunyai sikap yang positif dan mereka berusaha untuk membuat yang terbaik bagi menjayakan program ini. Sikap positif seperti yang ditunjukkan perlu ditanam di kalangan kita semua.

- **SISTEM**

Setiap kerja dan SOP yang perlulah jelas dan telus supaya setiap kakitangan mengetahui apa yang perlu dilaksanakan.

- **SEMANGAT PASUKAN**

Semangat pasukan ini amat penting kerana ia merupakan unsur yang menyatu-padukan kita semua. Semangat ini boleh dipraktikkan melalui kerjasama, komitmen dan penyertaan kakitangan secara menyeluruh di dalam program untuk meningkatkan keserasian.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Fokus MPSP 2012 dengan tema “*Sustainability is Our Commitment*” menterjemah aspirasi *stakeholders* ke arah mencapai visi dan misi MPSP dan seterusnya menyokong inisiatif “*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*” yang akan memacu ke arah pencapaian Pulau Pinang iaitu untuk menjadi bandar bertaraf antarabangsa.

Sebagaimana yang kita tahu, sebanyak 7 Fokus telah dikenalpasti yang melibatkan 31 Program dan 127 Aktiviti untuk dilaksanakan dalam tahun 2012 oleh jabatan-jabatan MPSP disertai dengan penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) sebagai kayu pengukuran prestasi setiap jabatan yang terlibat.

7 Fokus MPSP 2012 yang telah dibentuk adalah ;

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
- Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- Fokus 4 : Penguatkuasaan
- Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
- Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal
- Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Semasa Mesyuarat *World Heritage Committee* Ke-36, saya berkesempatan untuk berbual-bual dengan beberapa pegawai tinggi, duta, wakil-wakil dari pelbagai negara dan secara globalnya, mereka juga membicarakan mengenai “*Sustainable Development*”. Saya dapat merumuskan apa yang dibangkitkan tidak jauh berbeza dengan Fokus MPSP cuma yang berbeza adalah dari segi pelaksanaanya dan impaknya yang positif terhadap *stakeholder*.

Fokus MPSP 2012, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang.

Melalui Fokus MPSP 2012, ianya memberi ruang untuk menghasilkan “*value added outcome*” dan impak yang positif untuk mencapai kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya ingin juga berkongsi ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Y.A.B. Ketua Menteri pada 13 Jun 2012 yang lalu, Kerajaan

Negeri berhasrat menjadi negeri berkebajikan dengan 5 teras utama pembangunan negeri iaitu merancakkan pertumbuhan ekonomi (*pro-growth*), mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (*pro-jobs*), menjamin keadilan sosio-ekonomi (*pro-poor*), memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda (*pro-talent* atau *pro-bakat*), penjagaan alam sekitar (*pro-green* atau *pro-hijau*). Saya berharap semua kakitangan MPSP boleh melaksanakan 5 teras yang telah digubal dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana saya melihat MPSP memainkan peranan yang penting untuk mencapai semua hasrat yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri turut memberi amanat kepada kita semua, sebagai penjawat awam supaya ;

1. Bekerja secara berpasukan dan bukannya bersifat individu.
2. Pengarah Jabatan mesti mengambil tindakan tatatertib kepada pekerja yang tidak menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaiknya.

Selain itu, Y.A.B. Ketua Menteri turut menyenaraikan 5 keruntuhan sesebuah pasukan atau organisasi. Antaranya adalah ;

1. Tidak berkeyakinan, tidak amanah dan tidak berkaliber dikalangan ahli dalam sesebuah organisasi atau pasukan.
2. Tidak mempunyai pengurusan konflik yang cekap.

3. Tidak mempunyai komitmen di kalangan ahli dalam pasukan.
4. Tidak mempunyai akauntable.
5. Tidak mempunyai hasil kerja yang bermutu dalam pasukan.

Untuk makluman, MPSP akan memasuki pertandingan anugerah *World E-Government*, dimana sekiranya MPSP menang, MPSP akan menerima anugerah tersebut di Barcelona, Spain pada bulan November 2012. MPSP juga merupakan satu-satunya PBT yang menjadi ahli dalam *World E-Government Association* dan MPSP telah dijemput untuk menghadiri perhimpunan di Barcelona pada bulan November 2012.

Oleh itu, semua penjawat awam digesa untuk melakukan perubahan dan bersama-sama menjadikan organisasi kita lebih cemerlang dan bertaraf antarabangsa.

Saya juga difahamkan pada 24 Jun 2012 yang lalu, MPSP telah mengadakan satu temuduga terbuka untuk pengisian jawatan pekerja awam. Lebih daripada 5,000 orang yang hadir dan seramai 2,161 calon telah di temuduga pada hari tersebut. Ini menunjukkan betapa ramai orang yang berebut-rebut untuk bekerja dengan MPSP.

Oleh itu, saya berharap kakitangan MPSP yang sedia ada seharusnya menghargai peluang pekerjaan yang telah diberikan oleh MPSP dan menjalankan tugas dengan penuh komited.

Sempena dengan bulan kualiti dan sambutan Hari Majlis, saya berharap semua warga MPSP dapat melaksanakan tugas dengan baik, kerana kita sebagai:

- a) Penjawat awam adalah pelaksana dasar dan pelaksanaan itu perlu diuruskan secara cekap dan berkesan.
- b) Penjawat awam perlu sentiasa bersedia melakukan anjakan paradigm terhadap segala perubahan dan dasar-dasar baru yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Negeri bagi mentransformasikan perkhidmatan awam supaya lebih cekap, responsif dan berani berubah.
- c) Bekerja dalam pasukan dimana pegawai pengurusan memainkan peranan penting untuk membimbing pegawai baru serta kakitangan bawahan bagi memastikan pengurusan organisasi akan menjadi lebih mantap.
- d) Pihak pengurusan dan pegawai-pegawai perlu saling bekerjasama, berbincang, bertukar dan berkongsi maklumat dan idea bagi meningkatkan produktiviti kerja kearah kecemerlangan.

- e) Semua penjawat awam digesa untuk mewujudkan konsep “*mentoring*” untuk meningkatkan kesefahaman dan bagi menghasilkan satu hasil kerja yang bermutu.
- f) Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai Kanan diminta untuk sentiasa memastikan sesi perjumpaan dan perbincangan dengan semua kakitangan di dalam jabatan dapat dilaksanakan.
- g) Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah merupakan contoh kepada staf sokongan dan bawahan.
- h) Ketua Jabatan yang dipertanggungjawabkan sebagai Pengurus dan memantau tataterbit, perlu memainkan peranan yang penting dalam mempercepatkan proses tindakan disiplin terhadap penjawat awam di bawah kawalan masing-masing yang didapati melanggar peraturan dan tatatertib. Tindakan yang tegas perlu diambil setelah nasihat dan tunjuk ajar diberi tidak membawa perubahan. Contoh pelanggaran ialah seperti tidak hadir bertugas, lewat ke pejabat, tidak mengetip kad perakam dan sebagainya.

Oleh itu, semua penjawat awam diminta untuk bersyukur dengan jawatan yang sedia ada, melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan

sebaiknya serta sentiasa bersedia untuk berubah untuk menjadikan organisasi ini lebih cemerlang dan mantap.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pihak pengurusan MPSP juga amat peka dan komited dengan keselamatan dan kesihatan kakitangan MPSP terutama pekerja di lapangan. Pada tahun ini, MPSP akan membeli peralatan-peralatan keselamatan untuk pekerja-pekerja di lapangan. Pada pagi ini juga, kita akan melancarkan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kita akan melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang disarankan dibawah OHSAS 18001 : 2007 dan MPSP ingin menjadi PBT yang pertama mendapat pengiktirafan persijilan OHSAS 18001 : 2007.

Sempena Sambutan Perayaan Hari Majlis Yang Ke-38/2012 ini, pelbagai program diadakan oleh pihak MPSP. Justeru, saya mohon kerjasama daripada semua pihak bersama-sama menyertai program yang dirancang ini, antaranya adalah :

Forum Perdana Sempena Perayaan Hari Majlis bertajuk “Hidup Berkualiti Teras Kejayaan Ummah”	13 Julai 2012 (Jumaat)	8:30 malam	Perkarangan MPSP
---	------------------------	------------	------------------

Program Sukan MPSP Sempena Perayaan Hari Majlis (Tarik tali, Futsal. Bola jaring) Turut diadakan Pameran kesihatan & Derma Darah serta Pameran oleh MPSP	14 Julai 2012 (Sabtu)	8:00 pagi sehingga 6:00 petang	Perkarangan MPSP
Senamrobik Bersama MPSP	15 Julai 2012 (Ahad)	7:30 pagi	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan
Pelancaran Perayaan Hari Majlis yang akan disempurnakan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow.  Antara pengisiannya adalah ;  <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelancaran Laporan Pertengahan Tahun Pelaksanaan Fokus MPSP 2012 &amp; Risalah MPSP</li> <li>- Penyampaian Sijil Program Kualiti</li> <li>- Penyampaian Sijil &amp; Insentif kepada Pekerja Contoh</li> <li>- Penyampaian Hadiah Taman Bersih</li> <li>- Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Individu dan Pertubuhan</li> <li>- Sesi Ramah Mesra Bersama Komuniti</li> </ul>	17 Julai 2012 (Selasa)	8:30 pagi	Auditorium MPSP

- Program Tanam pokok			
- Pertandingan Fotografi			

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin memberi pesanan “ kita sebagai kakitangan kerajaan perlulah memberikan perkhidmtan yang terbaik kepada orang awam sebagaimana kita ingin menerima perkhidmatan yang terbaik semasa berurusan dengan pihak agensi kerajaan yang lain.”

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum wbth.

Sekian, terima kasih.